

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : RENCANA

Waspada ancaman 'pembunuh diam' gelombang haba ekstrem

- Suhu panas membahang boleh menyebabkan seseorang mengalami dehidrasi teruk. Impak paling ditakuti ialah keletihan atau kelesuan, pitam atau pengsan dan kekejangan

- Individu berumur 40 tahun ke atas perlu berwaspada kerana golongan ini berhadapan risiko strok haba 10 kali ganda berbanding dengan mereka yang lebih muda



Oleh Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman
bhrencana@bh.com.my

Pemantau global memberi amaran bahawa 2024 bakal menjadi tahun paling panas dalam rekod, diburukkan lagi dengan iklim ekstrem dan peningkatan pelepasan gas rumah hijau.

Saintis sudah sekian lama memberi amaran bahawa perubahan iklim disebabkan manusia akan menghasilkan gelombang haba lebih tinggi suhunya, semakin kerap dan berpanjangan serta kian mencabar.

Selain tahap normal dan berjaga-jaga, kriteria cuaca panas terbahagi kepada tahap dua, iaitu berstatus gelombang haba dengan suhu maksimum harian melebihi 37 hingga 40 darjah Celsius sekurang-kurangnya tiga hari berturut-turut dan tahap tiga (gelombang haba ekstrem) dengan suhu harian melebihi 40 darjah Celsius.

Kini, beberapa negara di rantau ini sedang berdepan gelombang musim panas dengan suhu menghampiri paras rekod kerana ia kerap mencecah lebih 40 darjah Celsius.

Laporan Keadaan Iklim di Asia 2023 Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO) mendapati Asia mengalami pemanasan lebih cepat daripada purata global dengan suhu 2023 adalah hampir dua darjah Celsius melebihi purata antara 1961 hingga 1990, manakala pada 2024 cuaca panas ekstrem antara lain disumbangkan fenomena El Nino yang mendorong kurangnya hujan dan berlakunya episod kemarau lebih teruk daripada biasa.

Malaysia tidak terkecuali dengan terdapat beberapa kawasan sudah mencapai status Gelombang Haba dengan suhu maksimum harian

melebihi 37 hingga 40 darjah Celsius.

Pahang, Sarawak dan Kelantan adalah antara negeri paling terdedah kepada cuaca ekstrem membabitkan panas serta kurang hujan luar biasa kerana kawasan terbabit amat terdedah kepada perubahan iklim, namun tidak berdaya tahan untuk menghadapinya.

Dua kawasan di Terengganu, iaitu FELDA Tenang dan FELDA Belara mencapai tahap gelombang haba dengan merekodkan suhu panas tahap dua melebihi 37 darjah Celsius selama tiga hari berturut-turut.

Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) misalnya melaporkan lima kes strok haba dan kelesuan. Malah, Pasir Mas satu-satunya kawasan disenarai merekodkan cuaca panas tahap dua yang merujuk kepada gelombang haba selama lima berturut-turut sejak 2 Mei lalu dengan suhu harian melebihi 37 hingga 40 darjah Celsius. Selain itu, penduduk sekitar Pasir Mas juga sudah tiga bulan dikatakan tidak menerima hujan.

Jejas kehidupan seharian

Natijahnya, panas melampau menjejaskan kehidupan seharian penduduk, khususnya menimbulkan risiko kesihatan kepada pelbagai golongan masyarakat.

Pekerja di luar pejabat, warga emas dan individu berisiko tinggi antaranya yang mempunyai penyakit kardiovaskular serta diabetes menjadi golongan paling terkesan.

Gelombang haba dan tahap kelembapan tinggi boleh memberi kesan maut kerana haba akan 'menghalang mekanisme penyejukan semula jadi badan'.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memberi amaran, gelombang haba ekstrem di seluruh Asia khususnya Asia Timur dan Pasifik boleh menyebabkan berjuta-juta kanak-kanak berisiko.

Menurut Dana Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF), lebih 243 juta kanak-kanak di seluruh Pasifik dan Asia Timur dianggarkan terjejas berikutan gelombang haba, mendedahkan mereka kepada risiko penyakit berkaitan haba dan kematian.

“Gelombang haba dan tahap kelembapan tinggi boleh memberi kesan maut kerana haba akan 'menghalang mekanisme penyejukan semula jadi badan'”

Kanak-kanak berusia hingga empat tahun menjadi kelompok paling rentan dan lebih berisiko berbanding orang dewasa kerana mereka kurang berkemampuan mengawal suhu badan.

Lantaran itu, Kementerian Kesihatan (KKM) menasihatkan Kementerian Pendidikan (KPM) mengambil tindakan selanjutnya antaranya menutup institut pendidikan di bawah kelolaan mereka jika cuaca panas terus berpanjangan hingga bertukar status gelombang haba.

Perkara ini selaras dengan Pelan Tindakan Bagi Menangani Gelombang Haba 2016 dan Pelan Tindakan Pengurusan Risiko Kesihatan Gelombang Haba 2021 dikeluarkan KKM.

Murid sekolah antara golongan berisiko tinggi untuk mendapat kesan masalah kesihatan akibat pendedahan kepada cuaca panas disebabkan faktor fisiologi dan kurang pengambilan air.

Justeru, golongan ini perlu mengehendak masa di luar rumah, minum lebih banyak air dan menggunakan payung serta topi apabila keluar untuk mengelakkan cuaca 'panas melampau'.

Hakikatnya, panas ekstrem tergolong sebagai 'pembunuh diam', kerana impaknya tidak boleh dilihat secara langsung. Hakikatnya, tekanan haba dengan mengambil kira suhu dan kelembapan boleh memberikan tindak balas kepada tubuh badan.

Suhu panas membahang boleh menyebabkan seseorang mengalami dehidrasi teruk. Impak paling ditakuti ialah keletihan atau kelesuan, pitam atau pengsan dan kekejangan.

Mereka yang terkesan dengan suhu tinggi juga akan mengalami strok haba sehingga boleh mengakibatkan koma atau kematian. Gelombang panas dijangka menyebabkan 38,000 kematian di seluruh dunia pada 2050 dengan 1,300 kematian berlaku setiap tahun di Amerika Syarikat (AS).

Maka, penting untuk menghindari aktiviti di luar untuk mengelakkan pendedahan kepada cuaca panas terutama golongan berisiko tinggi seperti kanak-kanak lima tahun ke bawah dan individu berumur 65 tahun ke atas.

Menurut KKM, individu berumur 40 tahun ke atas perlu berwaspada kerana golongan ini berhadapan risiko strok haba 10 kali ganda berbanding dengan mereka yang lebih muda.

Iklim berubah dan cuaca ekstrem meningkat adalah norma baharu pada tahun dan dekad mendatang. Meskipun impak perubahan iklim dilihat seperti tidak dapat dielakkan, setidak-tidaknya negara perlu berada dalam keadaan bersedia sedia agar impak bencana atau suhu melampau dapat dikurangkan melalui proses adaptasi dan mitigasi.

Ini termasuk menyediakan insentif latihan persediaan perubahan iklim, meningkatkan sokongan kewangan dan teknologi, meningkatkan akses kepada pendidikan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan pertanian berdaya tahan iklim.

Perancangan awal berkesan dapat membantu meminimumkan sebarang risiko tidak diingini daripada berlaku. Paling utama, ini menunjukkan betapa pentingnya isu kelestarian alam sekitar dipertimbangkan dan dimasukkan dalam perancangan pembangunan negara ini bagi menghindar lebih banyak bencana berkaitan iklim.




AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 30
RUANGAN : DUNIA

Dunia

Khamis, 9 Mei 2024 BH

AstraZeneca tarik balik vaksin COVID-19 di seluruh dunia



Keputusan dibuat selepas firma akui suntikan boleh akibatkan kesan sampingan berbahaya

London: Syarikat farmaseutikal global Britain-Sweden, AstraZeneca menarik balik vaksin COVID-19 di seluruh dunia, lapor *Telegraph* kelmarin.

Vaksin itu tidak lagi boleh digunakan di Kesatuan Eropah selepas syarikat itu secara sukarela menarik balik 'kebenaran pemasaran', menurut laporan itu.

Permohonan untuk menarik balik vaksin itu dibuat pada 5 Mac dan berkuat kuasa pada 7 Mei.

Permohonan sama akan dibuat di United Kingdom dan negara lain yang telah meluluskan vaksin itu dikenali sebagai Vaxzevria, pada bulan depan.

Lebih vaksin

Sementara itu menurut AstraZeneca ia telah memulakan penarikan vaksin COVID-19 di seluruh dunia kerana lebih vaksin terkini yang tersedia sejak pandemik itu.

Syarikat itu juga berkata ia akan meneruskan untuk menarik balik kebenaran pemasaran vaksin Vaxzevria di Eropah.

"Memandangkan pelbagai jenis vaksin COVID-19 telah dibangunkan, terdapat lebih vaksin dikemas kini yang tersedia," kata syarikat itu, sambil menambah bahawa ini telah menyebabkan penurunan permintaan untuk Vaxzevria, yang tidak lagi dikeluarkan atau dibekalkan.

AstraZeneca yang tersenarai di London mula beralih ke vak-

sin virus pernafasan dan ubat obesiti melalui beberapa urusan niaga tahun lalu selepas pertumbuhan yang perlahan apabila jualan ubat COVID-19 merosot.

Keputusan menarik balik itu dipercayai dibuat selepas syarikat itu mengakui dalam dokumen mahkamah bahawa vaksin berkenaan boleh menyebabkan kesan sampingan yang jarang berlaku dan berbahaya.

Dalam dokumen undang-undang yang dikemukakan kepada Mahkamah Tinggi pada Februari, ia membuat beberapa pengakuan, antaranya, ia menyatakan vaksin COVID-19 buatannya 'boleh, dalam kes yang sangat jarang berlaku, menyebabkan TTS atau *Thrombosis with Thrombocytopenia Syndrome* iaitu pembekuan darah dan kiraan platelet darah menjadi rendah.

Media bulan lalu melaporkan AstraZeneca buat kali pertama mengakui dalam dokumen mahkamah bahawa vaksin CO-

VID-19 mereka boleh menyebabkan kesan sampingan yang jarang berlaku.

Pengakuan itu secara langsung boleh membuka jalan untuk pampasan undang-undang bernilai jutaan pound, dengan 51 kes dikemukakan di Mahkamah Tinggi setakat ini, menuntut ganti rugi dianggarkan bernilai sehingga £100 juta (RM512 juta).

Gergasi farmaseutikal itu menghadapi saman atas dakwaan vaksin yang dibangunkan mereka bersama Universiti Oxford boleh menyebabkan kematian dan kecederaan serius dalam puluhan kes.

Peguam berhujah bahawa vaksin itu menghasilkan kesan sampingan yang memberi kesan buruk kepada sebilangan kecil individu.

AstraZeneca ialah syarikat senarai awam kedua terbesar di UK, dengan modal pasaran melebihi £170 bilion (RM870 bilion).

AGENSI

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : LOKAL

Unit Udara JBPM selamat nyawa bayi Orang Asli perlu oksigen

Gua Musang: Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) melakukan penerbangan Medevac (*Medical Evacuation*) bagi menyelamatkan nyawa seorang kanak-kanak lelaki Orang Asli yang mengalami masalah paru-paru dan memerlukan bantuan oksigen dari Pos Balar ke hospital, di sini.

Pesakit, Rafifarizi Amin, satu tahun, diiringi ibunya, Tini Alang, 34, menaiki helikopter Mi-17-IV untuk dihantar ke Hospital Gua Musang (HGM) bagi menerima rawatan susulan.

Pegawai Perhubungan Awam JBPM, Pangkalan Wilayah Tengah Subang, Selangor, Penolong Penguasa Bomba Mohd Rizzan Jefri berkata, helikopter berkenaan terlebih dahulu singgah di Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Gua Musang untuk mengambil dua jururawat.

"Pesakit memerlukan bantuan oksigen untuk dibawa menaiki pesawat, jadi kru terlebih dahulu singgah di BBP Gua Musang untuk mengambil jururawat.

"Difahamkan pesakit mengalami masalah pa-

ru-paru, batuk dan selesema sejak dua hari lalu. Pesawat berlepas dari Pangkalan Udara Wilayah Tengah Subang, Selangor pada jam 12.03 tengah hari dan tiba di BBP Gua Musang pada jam 1.15 petang.

"Selepas mengambil pesakit, pesawat berlepas daripada Pos Balar pada jam 1.35 petang dan tiba di BBP Gua Musang 1.44 petang. Pesakit diserahkan kepada kakitangan kesihatan yang sudah menanti bersama ambulans di sana," katanya semalam.

Beliau berkata, operasi itu diketuai Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohd Azuna Mohamed Sabri dan dibantu oleh pembantu juruterbang Sarifudin Ladudu bersama tujuh lagi kru.


"Alhamdulillah pesawat berjaya mendarat dengan selamat di Pangkalan Udara Wilayah Tengah Subang, Selangor pada jam 6.02 petang selepas berhenti mengisi minyak di BBP Gua Musang.

"Keadaan cuaca ketika perjalanan adalah hujan dan berawan rendah di setengah kawasan," katanya.



ANGGOTA Unit Udara JBPM bersama jururawat membantu membawa pesakit kanak-kanak Orang Asli ke ambulans untuk dihantar ke hospital. - Gambar NSTP/PAYA LINDA YAHYA

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 34
RUANGAN : DUNIA



SEORANG jururawat menyediakan suntikan Covid-19 AstraZeneca di Bandar Raya Guatemala pada 25 Februari 2022. - AFP

AstraZeneca tarik balik vaksin Covid-19

LONDON - AstraZeneca menarik balik vaksin Covid-19 di seluruh dunia, beberapa bulan selepas syarikat gergasi farmaseutikal itu mengaku ia mempunyai kesan sampingan yang berbahaya, lapor akhbar *Daily Mail* kelmarin.

Suntikan yang dibangunkan oleh Universiti Oxford itu tidak lagi boleh digunakan di Kesatuan Eropah (EU) selepas syarikat tersebut secara sukarela menarik balik kebenaran pemasarannya, berkuat kuasa kelmarin.

Permohonan serupa untuk menarik balik vaksin akan dibuat di negara lain yang telah meluluskannya sebelum ini.

Vaksin itu, yang pernah digembar-gemburkan sebagai 'kejayaan sains British', telah berada di bawah pengawasan ketat dalam beberapa bulan kebelakangan ini untuk kesan sampingan yang sangat jarang

berlaku.

Ia didakwa boleh menyebabkan pembekuan darah dan kiraan platelet darah rendah.

AstraZeneca mengakui pada Februari lalu bahawa vaksin itu boleh (dalam kes yang sangat jarang berlaku) menyebabkan Trombosis dengan Sindrom Thrombocytopenia.

Ia dikaitkan dengan lebih 80 kematian di Britain serta beratus-ratus kecederaan serius setakat ini.

Lebih 50 mangsa dan ahli keluarga yang terjejas kini menyaman syarikat itu dalam kes yang dibawa ke Mahkamah Tinggi.

Bagaimanapun, AstraZeneca menafikan bahawa keputusan untuk menarik balik vaksin itu berkaitan dengan kes mahkamah, sebaliknya menegaskan ia dikeluarkan daripada pasaran atas sebab-sebab komersial. - AGENSI

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : DALAM NEGERI

Pantau penerima vaksin AstraZeneca

PETALING JAYA: Kementerian Kesihatan perlu memantau tahap kesihatan penerima vaksin AstraZeneca (AZ) sama ada mempunyai kesan sampingan atau sebaliknya.

Malaysia pada Julai 2021 dilaporkan menerima lebih 1.5 juta dos bekalan vaksin AZ dari Jepun dan Thailand.

Bekas Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Lee Boon Chye berkata, pemantauan berterusan perlu dilakukan supaya rawatan awal dapat diberikan apabila berlaku kesan sampingan berkenaan.

Katanya, usaha itu dapat dilakukan kerana kementerian mempunyai pangkalan data vaksinasi orang ramai terutamanya melalui MySejahtera.

"Dalam pangkalan data Kementerian Kesihatan ada data sesiapa yang telah terima vaksin AZ itu, jadi mereka sepatutnya ada pemantauan berterusan penerima vaksin berkenaan.

"Kementerian Kesihatan perlu meneliti data kesihatan yang telah menerima vaksin AZ supaya apabila kesan sampingan itu berlaku, maka rawatan awal boleh diberikan," katanya kepada *Utusan Malaysia*, semalam.

Sebelum ini, media melaporkan, firma farmaseutikal, AstraZeneca dilaporkan menarik balik vaksin Covid-19 di selu-

ruh dunia.

Tindakan itu dipercayai dilakukan berikutan pengakuan syarikat itu dalam dokumen mahkamah bahawa vaksin AZ boleh menyebabkan kesan sampingan yang jarang berlaku.


Syarikat farmaseutikal itu menghadapi tuntutan saman atas dakwaan vaksin dibangunkan mereka bersama Universiti Oxford boleh menyebabkan kematian dan kecederaan serius dalam puluhan kes.

Boon Chye yang juga Pengerusi Bukan Eksekutif Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corp) berkata, Kementerian Kesihatan juga boleh meneliti keseriusan kesan sampingan vaksin berkenaan sendiri tanpa perlu menunggu laporan daripada syarikat itu.

"Firma AZ patutnya ada pemantauan berterusan dan buat laporan berkala kementerian dan menyatakan sam ada apa-apa kesan sampingan yang berlaku akibat vaksin tersebut.

"Jadi dengan data tersebut, kementerian akan dapat maklumat selanjutnya berhubung keseriusan kesan sampingan. Jangan tunggu syarikat sahaja sebab kementerian ada pangkalan data penerima vaksin AZ," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 35
RUANGAN : DALAM NEGERI



LOKASI di Kampung Teras Mukim Luit yang dicadangkan sebagai tapak baharu Hospital Maran menggantikan tapak sebelum ini di Batu 55, Jalan Maran-Jerantut, Pahang. - UTUSAN/SALEHUDIN MAT RASAD

Projek Hospital Maran jadi tanda tanya

Oleh **SALEHUDIN MAT RASAD**
utusannews@meclanula.com.my

MARAN: Projek pembinaan Hospital Maran bernilai RM350 juta yang tertangguh sejak 2016 terus menjadi tanda tanya, seolah-olah sukar dibina walaupun kosnya sudah diluluskan lima Perdana Menteri termasuk Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ahli Parlimen Maran, Datuk Seri Dr. Ismail Abdul Mutalib berkata, projek itu diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) oleh bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dengan kos RM150 juta.

"Pada waktu itu, sudah enam tapak kita kenal pasti. Sebagai Perdana Menteri pada masa itu, Najib sudah meneliti dan mendapati ada keperluan untuk menyegerakan pembinaan hospital di daerah Maran dan perlu di-

siapkan seperti dirancang.

"Namun, saya dengar ada cadangan baharu untuk membina hospital daerah ini ke lokasi lain, tapak pertama yang pernah dicadangkan dan ditolak sebelum ini.

"Sejak awal lagi tapak itu kita sudah tolak atas pelbagai faktor seperti tanah milik dan sekarang nak buat di tapak sama. Tidakkah ini satu pembaziran?" katanya di sini semalam.

Ismail berkata, bekas Menteri Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali semasa era Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menambah peruntukan RM250 juta bagi pembinaan hospital berkenaan.

"Hospital Maran mendapat tambahan RM350 juta yang diluluskan dalam Bajet 2023 oleh bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebelum Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) lalu," katanya.

Katanya, dalam pembentangan Belanjawan 2023, Anwar mengekalkan peruntukan Hospital Maran berjumlah RM350 juta, bagaimanapun ia tidak dinyatakan dalam Belanjawan 2024.

Beliau mendakwa, lokasi hospital tersebut berubah disebabkan isu politik sekali gus menyebabkan RM400,000 duit rakyat dibazirkan akibat pertambahan kos, logistik serta membazir masa.

"Pertukaran tapak dari Batu 55 Jalan Maran-Jerantut ke lokasi baharu di Kampung Teras, Mukim Luit seluas 24 hektar berdekatan Tol Maran melambatkan impian lebih 140,000 penduduk Maran memiliki hospital daerah sendiri.

"Status Hospital Maran terus menimbulkan tanda tanya dan melalui jalan berliku berikutan perubahan tampuk pemerintahan selepas PRU15," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : WORLD

DEMAND DIVES

AstraZeneca withdraws Covid vaccine

LONDON: Anglo-Swedish drug-maker AstraZeneca yesterday said it was withdrawing Covid vaccine Vaxzevria, one of the first produced in the deadly pandemic, citing "commercial reasons" following a slump in demand.

"As multiple, variant Covid-19 vaccines have since been developed there is a surplus of available updated vaccines. This has led to a decline in demand for Vaxzevria, which is no longer being manufactured or supplied," an AstraZeneca spokesperson added in a statement.

"We will now work with regulators and our partners to align on a clear path forward to conclude this chapter and significant contribution to the Covid-19 pandemic."

AstraZeneca rapidly developed the successful Covid-19 jab during the coronavirus pandemic, which erupted in the first-half of 2020.

Vaxzevria, developed alongside Oxford University, was at first offered at cost, but Astra decided in late 2021 to sell it for profit.

But the world pivoted towards mRNA vaccines, particularly the one produced by United States drugs giant Pfizer and German peer BioNTech, after rare blood-clot problems with Astra's jab increased public hesitancy about taking it.

Sales collapsed further as global Covid restrictions were fully lifted worldwide and the world emerged from the global health crisis.

The AstraZeneca spokesperson said the group had begun the process from taking it off the market in the Europe, Middle East and Africa (EMA) region.

The company will work with other regulators globally to start market authorisation withdrawals for the Vaxzevria "where no future commercial demand for the vaccine is expected".

The spokesperson said that, according to independent estimates, "over 6.5 million lives were saved in the first year of use alone" and more than three billion doses were supplied globally.

"We are incredibly proud of the role Vaxzevria played in ending the global pandemic," the spokesperson said. **AFP**

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NATION

A deadly war against Aedes

Community struggles in face of worst dengue surge

By M. KUMAR
kumar@thestar.com.my

SHAH ALAM: Anjung Sari is a quiet, gated community near the foothills of the Shah Alam Community Forest in the township of Setia Alam.

It looks green and tranquil, but a war is raging there with a small but lethal enemy – the Aedes mosquito – laying siege on the community.

In March and April alone, there have been 58 cases of dengue in the community of 374 homes, the highest outbreak of cases in Shah Alam.

According to residents of Anjung Sari, there have always been cases of dengue here but not like in the recent months.

Rasib Abdullah, 68, and his family were among the worst hit, with four of them spending the run-up to Hari Raya Aidilfitri in the hospital.

"I was admitted to the hospital for a week until April 4, and my wife was admitted from April 3 to 7.

"My son, aged 23, was in the hospital from April 2 to 7 and then my daughter, aged 29, a few days after that," he said.

For Rasib, it was his second time in hospital due to dengue.

"I was also infected in April 2022, and this time it took me longer to recover. I felt more lethargic and weak.

"My daughter is also still feeling the effects and has not fully recovered," he said.

Rasib said several of his neighbours were also infected with dengue.

"There have been cases all along my street. It is very worry-



Fog of war: A worker from a pest control company conducting fogging in Anjung Sari, Shah Alam.

ing," he said.

The dengue cases plaguing Anjung Sari in Setia Alam is symptomatic of Malaysia's nationwide struggle with the disease.

According to the Health Ministry, Selangor accounted for 67 of 80 localities detected as dengue hotspots throughout the country during Epidemiological Week 16.

Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan said the other localities were in Kuala Lumpur and Putrajaya (seven), Perak (two), Kedah (two), Penang (one) and Sarawak (one). "The number of dengue cases

has been on the rise with 2,321 cases reported on Epidemiological Week 16 compared to 1,698 cases the week before.

"The number of dengue cases nationwide was at 50,650 compared to 35,202 cases over the same period last year.

"There have also been 39 fatalities this year compared to 22 deaths over the same period last year," he said in a statement.

It's not just Malaysia that is seeing a hike in dengue cases, with cases more than doubling in Singapore while Vietnam and Indonesia have seen a three-fold increase.

Another resident, S. Sandra, 67, learned she was infected on March 12 after having a mild fever for a few days.

"I usually walk my dog in the evening and there are mosquitoes everywhere.

"When the doctor told me I had dengue, I was not surprised. Luckily, I did not need to be admitted to the hospital," she said adding that she only required a week of rest before being given the all-clear.

Sandra said her son has since given her a mobile mosquito repellent device for her to bring on her daily walks.

When even a can can hide killer insects

SHAH ALAM: A discarded soda can in a heap of rubbish may not look like much – but it could harbour a killer.

A small pocket of water in a can is more than enough for the Aedes to breed, says a mosquito control expert.

"Plastic construction barriers left lying around can also be breeding spots," said Dr Lee Yeon Wang.

He added that the Aedes mosquito is resilient.

"Even during dry weather spells, it would lay its egg that can survive for six months without water.

"When it does rain, the egg will hatch and grow into a mature mosquito in five days instead of the usual seven days," he said.

On the abandoned plot of clubhouse land in Anjung Sari in Shah Alam, he said it could still serve as a refuge for the Aedes mosquito, making it more difficult to fully eradicate the infection from the area.

"It is true that the Aedes larvae needs shade to grow and mature, but it does not need a lot of shade like from a tree," he said.

Residents at Anjung Sari had voiced concerns that the plot of private land – left abandoned for over 10 years after construction of a clubhouse for the housing area was halted by the developer – could become a mosquito breeding ground.

Dr Lee also said fogging alone would not be effective in stopping the outbreak.

"Aedes mosquitoes are good at hiding and avoiding the chemicals sprayed during fogging. They will usually fly into houses and avoid the outdoors when they detect the chemicals," he said.

He also advised the public to inspect and ensure their houses are clean and do not contain any puddles of water for the Aedes mosquito to breed in.

RA fights losing battle against flying foes

SHAH ALAM: Anjung Sari's resident association (RA) – Persatuan Penduduk Perdana – has been doing all it can to control a dengue outbreak, clearing undergrowth and fogging occasionally. But it is a losing battle.

The association chairman Lee Chee Hung said several factors have contributed to the rise in dengue cases in the area.

"There have been a number of house renovations here with foreign workers staying inside unfinished houses while they work.

"We also have residents who grow plants and trees outside their houses which were not properly kept.

"All these places became breeding spots for Aedes mosquitoes, so we have been working to clear the bushes and trees as well as ensuring renovation sites are kept clean," he said.

Association secretary Yeoh Eng Leong said the RA has also employed a pest control company

to conduct regular fogging and larviciding in the area.

"We have also been asking residents to look after their homes and make sure there are no places for the mosquitoes to breed," he said.

However, he said there was another major breeding ground right in the centre of Anjung Sari – a plot of private land that had been left abandoned for over 10 years after the construction of a planned clubhouse for the area was halted by the developer.

"It is covered in overgrowth and rubbish, and when it rains there are puddles where mosquitoes can breed.

"We have tried to get the developer to clear the area but nothing has been done. We even tried to clean up the plot ourselves but we were threatened with legal action," he said.

A Shah Alam City Council (MBSA) spokesperson, however, said the abandoned plot was not

the main cause of the dengue outbreak.

"The council and the Health Department have conducted checks in the areas and ruled that the plot of land is not the main cause of the outbreak.

"There are puddles of water but the land does not have any trees or shade, so the mosquito larva will not survive under the hot sun," the spokesperson said.

The Health Department had also inspected several houses and issued fines to residents after Aedes larvae were detected in their homes.

"We have also done fogging and told the residents to spend 10 to 15 minutes every week looking around to ensure there are no pools of water where mosquitoes can breed.

"We are also engaging with the RA to hold a gotong-royong to clear any rubbish or debris in the area," added the MBSA spokesperson.



Stop at source: Yeoh pointing at a potential breeding ground for Aedes mosquitoes at the abandoned lot in Anjung Sari, Shah Alam.